

# PLATFORM DATA TERBUKA (DATA.GOV.MY)

## PENGENALAN

Pada tahun 2015, Data Terbuka telah dikenalpasti oleh Kerajaan dapat meningkatkan kesejahteraan rakyat dan berpotensi untuk dimanfaatkan dari aspek ekonomi, alam sekitar dan nilai sosial. Selain itu, data terbuka dikenalpasti dapat meningkatkan ketelusan kerajaan di mana rakyat dapat terlibat rakyat secara langsung dalam membuat keputusan, justeru menyokong penyampaian perkhidmatan Kerajaan.

## Latar Belakang

2. Pelaksanaan inisiatif data terbuka adalah selaras dengan Pelan Strategik ICT Sektor Awam 2016 – 2020, di bawah Teras Strategik 2 : Kerajaan Berpacuan Data. Bagi menjayakan pelaksanaan inisiatif ini MAMPU, telah membangunkan Portal Data Terbuka yang boleh dicapai melalui pautan <https://www.data.gov.my>.

## OBJEKTIF

3. Objektif platform data terbuka adalah untuk:
- a) menyediakan platform bagi menghubungkan agensi pemilik data terbuka dengan pengguna data terbuka yang terdiri dari agensi kerajaan, akademia, industri dan rakyat untuk menggunakan data terbuka
  - b) menghasilkan pelbagai inovasi data terbuka sama ada dalam bentuk aplikasi, produk data atau penyelidikan atau penciptaan data baharu baharu hasil daripada gabungan set data terbuka.

## CIRI-CIRI

4. Portal data terbuka menyediakan gerbang maklumat dan perkhidmatan berkaitan data terbuka seperti berikut:

- a) Berita, blog, foto aktiviti data terbuka dan artikel penilaian peringkat global
- b) Penerbitan dan pengemaskini data
- c) Pekeliling, Garis Panduan, Polisi Data, Amalan Kebebasan Maklumat dan Tatacara dan pematuhan piawai dan KPI.
- d) Senarai aplikasi/produk inovasi yang dihasilkan

Portal data terbuka menyediakan fungsi utama kepada pengguna seperti berikut:

### a) Penerbitan Set Data

Set data yang dimuat naik perlu mematuhi piawai yang ditetapkan bagi menjadikan set data berkualiti dan bergranular tinggi. Kegagalan mematuhi piawai yang ditetapkan akan menjejaskan hasrat kerajaan untuk meningkatkan ranking di peringkat global seperti *Open Data Barometer* (ODB) dan *On-line Service Index* memandangkan pengemaskinian set data merupakan salah satu kriteria penilaian dalam *ranking* tersebut. Perkara yang perlu diambil perhatian dalam menghasilkan set data berkualiti dan bergranular tinggi seperti berikut:

#### i. CCA

Lesen ini membenarkan Data Terbuka dikongsi dan diguna semula di bawah terma yang fleksibel dan sah di sisi undang-undang oleh sesiapa jua. Lesen ini juga merupakan satu bentuk kredit kepada pemilik/pembekal set data.

## ii. Granular tinggi

- a. data terperinci atau mentah, paling asas dan bukan *aggregate*;
- b. dapat digunakan oleh pelbagai pihak untuk menghasilkan produk data/aplikasi;
- c. dapat menggalakkan pembangunan inklusif dan berinovasi untuk kesejahteraan rakyat; dan
- d. dapat mengukuhkan tadbir urus dan meningkatkan penglibatan rakyat.

### b) Pengemaskinian Set Data

Pengemaskinian set data boleh dilaksanakan mengikut pilihan berdasarkan kekerapan berikut:

- i. Harian
- ii. Mingguan
- iii. Bulanan
- iv. Suku Tahunan
- v. Tahunan

Portal menyediakan fungsi notifikasi melalui emel kepada pengguna untuk mengingatkan pengguna supaya mengemaskini set data berdasarkan tarikh yang dipilih (*due date*).

Kegagalan pengemaskinian set data akan mengakibatkan data tidak terkini, justeru implikasi kepada pengguna data yang ingin memanfaatkan data terbuka.

### **c) Pelaporan**

Agensi perlu membuat pelaporan bertulis kepada pihak MAMPU secara bulanan berdasarkan format yang ditetapkan oleh MAMPU.

## **IMPAK PELAKSANAAN DATA TERBUKA**

6. Impak pelaksanaan data terbuka adalah seperti berikut:
  - a) peningkatan ketelusan dan integriti Kerajaan;
  - b) peningkatan penciptaan produk data dan inovasi berasaskan Data Terbuka yang berkualiti;
  - c) peningkatan kesejahteraan rakyat;
  - d) peningkatan kedudukan *Online Service Index (OSI)* dan
  - e) menjana ekonomi negara.

## **PLATFORM DATA TERBUKA 2.0**

7. Mulai 7 September 2020, Platform Data Terbuka yang baharu telah beroperasi sepenuhnya. Platform baharu ini menyediakan antaramuka yang lebih berkesan bagi memastikan data yang dikongsi oleh pemilik data khususnya dalam Portal Data Terbuka oleh kementerian dan agensi serta PSUK dapat dicapai dengan lebih mudah dan penggunaannya dapat ditingkatkan. Kebolehcapaian dan kemudahan Portal Data Terbuka yang mudah dicapai sangat penting kerana ia dapat dimanfaatkan bagi penghasilan produk data yang mempunyai nilai tinggi, berinovasi dan memberi impak kepada pengguna.

8. Selain itu, Platform ini turut mempunyai kemudahan berikut:

a) **Dashboard Data Terbuka Melalui Open Data Information System (ODEXIS)**

- (1) semua pembekal data boleh memantau prestasi penerbitan dan penggunaan data yang dibekalkan dengan lebih berkesan;
- (2) penggunaan kemudahan ini dibekalkan kepada agensi pembekal data serta laporan am turut dimuatkan dalam Portal Data Terbuka; dan
- (3) pembangunannya adalah berdasarkan teknologi perisian terbuka.

b) **Pengukuhan Perkongsian Data Melalui Open Data Exchange (ODEX)**

ODEX dibangunkan supaya perkongsian data dapat dilaksanakan dengan lebih mudah dan berkesan melalui Application Programming Interface (API). Setakat ini, terdapat 5 agensi perintis yang terlibat iaitu Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Bank Negara Malaysia, Kementerian Pengangkutan dan PSUK Negeri Sarawak.